



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

DEBAT PERPADUAN PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2023

KUALA LUMPUR, 26 September 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada hari ini telah **merasmikan Pertandingan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara Tahun 2023** bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Debat perpaduan ini dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Sekretariat Rukun Negara Universiti Malaya (SRN UM), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pertandingan ini telah bermula pada **22 September hingga 24 September 2023 (dalam talian) dan 26 September 2023 (secara fizikal)** dengan penyertaan daripada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Objektif program ini adalah untuk **mengasah dan membentuk pemikiran mahasiswa secara holistik dari aspek pemahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian agama, budaya dan adat resam masyarakat Malaysia**. Selain itu, pelaksanaan program ini juga dapat **membudayakan ilmu dan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan melalui wahana perdebatan**. Matlamat lain program ini adalah untuk **memupuk semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa IPT melalui pertukaran idea dalam perdebatan** yang sihat berdasarkan Prinsip Rukun Negara.

Seramai **151 pembahas dengan penglibatan 38 pasukan** telah menyertai pertandingan ini berjaya **menunjukkan kesungguhan dan semangat yang tinggi**. Mengangkat **tema ‘Warisan Melestarikan Perpaduan’**, berjaya membuka ruang dan peluang dalam meneroka idea-idea serta hujah-hujah yang telah dilontarkan oleh mahasiswa yang dilihat mampu **membantu usaha melestarikan dan memperkasa perpaduan negara**.

Sebagai rekod, debat ini bermula pada tahun 2005 sehingga 2015 dan ditangguhkan pada tahun berikutnya atas kekangan tertentu. Ia disambung semula pada tahun 2020 dan kini menjadi **program KPN di bawah flagship Kembara Perpaduan**. Pelaksanaannya juga merupakan inisiatif dalam **mempromosikan program-program berkaitan Sekretariat Rukun Negara (SRN)** sebagai salah satu jentera utama perpaduan.

Pertandingan ini berkonsepkan **debat ala Parlimen menyasarkan penglibatan ahli pasukan yang terdiri daripada ahli SRN pelbagai kaum**. Dalam menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, YB Menteri Perpaduan Negara telah mengumumkan **peruntukan sebanyak RM3,000 kepada semua SRN bagi tahun 2024** bagi pelaksanaan Eksplorasi Rukun Negara di IPT. Inisiatif tersebut diharapkan dapat dijayakan seterusnya **menyokong kepada agenda pengukuhan perpaduan negara dalam kalangan mahasiswa**.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapannya agar program ini **dapat mencapai matlamat untuk membina tapak integrasi di varsiti serta mengukuhkan penyatupaduan** mahasiswa dan masyarakat berbilang bangsa seiring dengan konsep '**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**'. Beliau juga menyeru agar mahasiswa memainkan peranan penting dalam **mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang maju, terampil dan terangkum serta saling bertoleransi** sebagai ejen penyatuan dan penyebar perpaduan negara.

Kementerian Perpaduan Negara

26 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (59)